

Boleh bawa maut

Metro 5/2/12 MS 5.

Barah tulang tidak diketahui puncanya boleh berlaku kepada kanak-kanak atau orang dewasa



Setakat ini masih tidak diketahui punca sebenar kanser tulang dan mekanismanya. Jika kanser lain, misalnya kanser paru-paru, satu daripada penyebabnya adalah rokok, namun kanser tulang belum diketahui”

>Dr Farshid Abdolvahab
Perunding Pakar Bedah Ortopedik dan Pakar Onkologi
Pusat Perubatan Prince Court

WALAU PUN tidak berada dalam carta barah pembunuh utama di kalangan warga Malaysia, barah tulang antara penyakit yang masih kurang diambil berat sesetengah individu.

Sesetengah mereka beranggapan barah tulang hanya bengkak biasa seperti terseliuh yang akan surut beberapa hari selepas diubati. Hakikatnya, barah tulang boleh membawa maut jika tidak

dirawat segera.

Jika dilihat secara keseluruhannya, kita memiliki lebih 200 tulang di dalam badan yang memiliki pelbagai fungsi. Pada kebiasaannya barah akan berlaku pada mana-mana bahagian tulang yang sering mengalami pertumbuhan.

Perunding Pakar Bedah Ortopedik dan Pakar Onkologi musculoskeletal Pusat Perubatan Prince Court (PCMC), Dr Farshid Abdolvahab berkata, ada dua jenis barah tulang iaitu primer dan sekunder.

Kanser tulang primer ber-

mula daripada tulang manakala kanser tulang sekunder merebak ke tulang dan ia paling banyak ditemui.

"Kanser tulang primer biasanya berlaku kepada kanak-kanak dan individu berusia 30 tahun ke bawah, manakala kanser tulang sekunder pula kerap berlaku pada golongan dewasa dan tua.

"Setakat ini masih tidak diketahui punca sebenar kanser tulang dan mekanismanya. Jika kanser lain, misalnya kanser paru-paru, satu daripada penyebabnya adalah rokok, namun kanser tulang belum diketahui," katanya sewaktu ditemui di pusat perubatan itu, baru-baru ini.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa supaya lebih peka terhadap perubahan fizikal anak mereka. Misalnya jika anak mengadu sakit, segera memberi perhatian dan bawa berjumpa doktor.

"Meskipun barah tulang jarang berlaku, kesedaran masyarakat terhadap penyakit ini masih rendah dan membimbangkan.

"Ramai tidak tahu jika anak mereka sakit barah tulang dan menganggap ia terseliuh atau sakit biasa dan membiarkannya tanpa membawa berjumpa doktor pakar.

"Biasanya tulang yang dijangkiti kanser akan kesakitan dan bengkak dan jika tidak dirawat dengan segera boleh menyebabkan kematian.

"Jika berasa sakit dalam tempoh dua minggu serta

bengkak masih tidak hilang, segera berjumpa doktor untuk imbasan sinaran-X, bone scan dan biopsi tulang untuk diagnosis," katanya.

Gejala dan tanda

- Bengkak dan sakit pada kawasan terbabit
- Sakit yang kuat, terutama waktu malam
- Hilang fungsi anggota

● Tulang lebih rapuh dan mudah patah

● Hilang berat badan dan selera makan

Diagnosis

Sejarah pesakit yang terperinci, pemeriksaan fizikal pesakit yang menyeluruh berserta ujian makmal dan diagnostic tertentu seperti X-ray, 'bone scan' dan biopsy

tulang (pembedahan kecil untuk mengambil tisu tulang dan di periksa di makmal) adalah mencukupi untuk mendiagnosis kanser tulang.

Rawatan

Rawatan kemoterapi (ubat anti kanser), ujian makmal tertentu, rawatan radioterapi dan teknik pembedahan yang terkini, kebanyakan kanser tulang primer dan sekunder boleh dirawat.

Rawatan kanser tulang sekunder bergantung kepada punca kanser. Kebanyakan pesakit yang menghadapi kanser tulang peringkat akhir bertujuan memperbaiki mutu kehidupan dan meringankan gejala kanser tulang sekunder.

Proses penyembuhan

Peluang untuk sembuh semakin baik dan cerah dengan kemajuan ubat kemoterapi, selain pelbagai faktor yang boleh dibincang dengan pakar bedah ortopedik.

Radioterapi adalah satu cara untuk merawat barah. Ia menggunakan radiasi seperti sinaran-X, sinaran gamma atau elektron untuk mengubati atau mengawal barah. Perkataan itu berasal daripada 'radio' bermaksud sinaran dan 'terapi' bermaksud rawatan.

Radioterapi boleh digunakan kerana radiasi menghentikan barah daripada membesar dan sel barah daripada membahagi. Ia diarahkan kepada sel barah dengan dua cara, iaitu radiasi dalaman dan radiasi luaran.



URUT...
kanser tulang tidak boleh dirawat dengan mengurut.

